

Headline	Kerjasama swasta tingkat kualiti murid		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	20 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	19	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	399 cm ²
Journalist	Oleh Mohd Feroz Abu Bakar	AdValue	RM 13,701
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,103



Kerjasama swasta tingkat kualiti murid

» TH Gemas mahu calon UPSR cemerlang

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar
► Gemas

Program pendidikan dengan kerjasama syarikat swasta selari dengan anjakan untuk meningkatkan kualiti murid.

Timbalan Pegawai Pendidikan Tampin, Zainudin Mohd Yusof, berkata sekolah yang menggembelng kegiatan bersama pihak berkepentingan termasuk ibu bapa dan syarikat swasta mampu meningkatkan kemahiran murid.

Katanya, murid hanya menghabiskan kira-kira satu perempat masa di sekolah dan selebihnya mereka berada bersama-sama masyarakat dan keluarga.

Beliau berkata, pembabitatan semua pihak berkepen-

tingan dalam pendidikan dapat melahirkan murid berilmu, kreatif dan inovatif.

Nadi modal insan

"Sekolah adalah nadi dalam membangunkan modal insan dan mutu modal insan yang dilahirkan bergantung kepada keupayaan sekolah menyediakan pendidikan berkualiti.

"Modal insan yang berkualiti akan membantu melonjakkan pertumbuhan ekonomi," katanya ketika menutup Seminar Bimbingan Peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) Tabung Haji (TH) dan BH di sini, baru-baru ini.

Seminar berkenaan dianjurkan dengan kerjasama guru Sekolah Kebangsaan (SK) Gemas itu dihadiri kira-kira 250 murid sekitar

Tampin.

Yang turut hadir ialah Pengurus TH Gemas, Mahmood Khamis, Penolong Pengetua Maktab Rendah Sains MARA Gemencheh, Abdul Kadir Dewa dan Guru Besar SK Gemas, Zaharah Sarbini.

Zainudin berkata, peserta patut memanfaatkan panduan yang diperolehi daripada seminar itu untuk mendo-

duki UPSR September depan.

Katanya, mereka juga patut menyampaikan tip berkenaan kepada rakan yang tidak terpilih ke seminar sehari berkenaan.

Bantuan TH

Sementara itu, Mahmood berkata, calon UPSR mesti berusaha gigih untuk berjaya dalam peperiksaan.

"Calon mesti berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana tiada jalan mudah untuk berjaya.

"Seminar ini hanya bantuan kecil daripada TH untuk memudahkan calon bersedia menduduki UPSR," katanya.

Beliau berkata, TH Gemas komited untuk meneruskan program tanggungjawab sosial korporat dalam bidang pendidikan.

“Sekolah merupakan nadi dalam membangunkan modal insan”

Zainudin Mohd Yusof,
 Timbalan Pegawai Pendidikan Tampin



Program seminar UPSR anjuran BH bersama TH di MRSM Gemencheh.
 [FOTOHAZREEN MOHAMMAD/BH]

Headline	Kerjasama swasta tingkat kualiti murid		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	20 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	19	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	399 cm ²
Journalist	Oleh Mohd Feroz Abu Bakar	AdValue	RM 13,701
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,103



Pelajar memberi tumpuan tip yang diberikan penceramah.